

'Tolak amalan ekstremisme'

BH 6.6.13/4/2/1/SIRAS

» **Institusi Raja utama perpaduan rakyat Malaysia**

► **Kuala Lumpur**

Pemangku Raja Perak, Raja Dr Nazrin Shah bertitah institusi Raja ialah lambang perpaduan dan simbol penyatuan yang berketetapan untuk membina kesatuan dalam kepelbagaian.

Titah baginda, institusi berkenaan sejak sekian lama dan secara terselindung berperanan sebagai perekat sosial yang berjaya menyatukan warga negara ini.

"Pemerintahan beraja secara awal dan semula jadi mencerminkan amalan kesejahteraan - menolak ekstremisme. Ia teras dalam proses membina dan membangunkan sebuah negara dan bangsa. Bahawa Raja adalah simbol kedaulatan tanah air warisan Melayu, berperanan sebagai benteng dan kubu pelindung agama Islam dan budaya Melayu."

Penaung semua kaum

"Raja turut berperanan memberi naungan kepada semua warga daripada semua kumpulan etnik yang menganuti pelbagai agama. Naungan saksama Raja wajib dilimpahkan kepada semua warga yang sudah menerima identiti Perlembagaan dan bermastautin secara selesa di bumi ini," titah



Tuanku Syed Sirajuddin berkenan **merasmikan seminar 'Perlembagaan dan Islam: Peranan Institusi Raja'** di Kuala Lumpur, semalam. Turut hadir, Raja Dr Nazrin (kanan) dan Raja Muda Perlis, Tuanku Faizuddin Putra Jamalullail.

(FOTO BERNAMA)

“**Pemerintahan beraja secara awal dan semula jadi menolak ekstremisme**”

Raja Dr Nazrin Shah
Pemangku Raja Perak

baginda ketika menyampaikan titah utama bertajuk 'Perlembagaan dan Islam: Peranan Institusi Raja' pada seminar institusi Raja di sini, semalam.

Seminar bertemakan 'Melestarikan Pemerintahan Beraja' itu dirasmikan Raja Perlis Tuanku Syed Sirajuddin Syed

Putra Jamalullail.

Raja Nazrin bertitah, gelombang perpecahan dilihat seumpama melanda warga negara sejak Pilihan Raya Umum ke-12 dan melahirkan kebimbangan jika keretakan itu tercetus atas nama agama atau kaum.

"Dalam senario sedemikian, keluhuran institusi Raja perlu dilindungi daripada sebarang bentuk penodaan, agar warga kekal menabur bunga setia," titah baginda dan menambah bahawa rakyat perlu diingatkan semula sejarah lama bahawa sengketa boleh tercetus akibat fitnah dan hasad dengki serta takhta Diraja dipengaruhi pihak yang salah.

Sementara itu, Tuanku Syed Sirajuddin meminta rakyat agar tidak mengheret institusi Raja dengan emosi yang tidak terkawal demi memuaskan hati sesetengah pihak.

Titah baginda, institusi Raja sedikit sebanyak turut terpalit dengan pelbagai provokasi apabila wujudnya beberapa isu sensitif yang mencabar kedaulatan dan perundangan negara mutakhir ini.

Justeru, titah baginda, sebarang percubaan membabitkan institusi itu dengan emosi yang tidak terkawal seolah-olah mempermainkan ketinggian kedudukan Perlembagaan Persekutuan.

BERNAMA